

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LUKANISMAN BIN AWANG (SIBUTI)**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN LUKANISMAN BIN AWANG [ SIBUTI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan pihak Kerajaan untuk bina baru gantian penuh pejabat polis serta kuarters yang daif bagi Balai Polis Bekenu; dan
- (b) apakah perancangan bagi mewujudkan unit trafik di Balai Polis Bekenu bagi menangani masalah kes kemalangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian masih dalam perancangan untuk menyenaraikan projek pembangunan di kawasan ini dalam masa terdekat bagi program pembangunan fizikal Rancangan Malaysia.

Ini bersesuaian dengan penetapan Dasar Kerajaan untuk bangunan PDRM menggariskan perancangan sesuatu projek perlu mempunyai perjawatan sekurang-kurangnya 20 orang sebagai asas untuk pertimbangan membina Balai Polis baharu. Pihak Kerajaan Negeri perlu menyediakan tapak tanah berkeluasan 5 hingga 10 ekar yang ditetapkan dalam Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2015, Jawatankuasa Standard dan Kos, Unit Perancang Ekonomi. Penyenaraian semula dalam perancangan projek Rancangan Malaysia Ke-12 akan dibuat setelah isu tanah diselesaikan. Ia bagi memenuhi aspirasi dan harapan penduduk sekitar dalam menjaga keamanan serta keselamatan setempat.

**Tuan Yang Di-pertua,**

Untuk makluman, Balai Polis Bekenu terletak di bawah kawalan Ibu Pejabat Polis Daerah Miri. Semua penugasan berkaitan trafik adalah di bawah kawalan Ketua Polis Daerah dengan dibantu oleh Ketua Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Daerah bersama 3 orang pegawai kanan dan 54 anggota pangkat rendah yang berpusat Bahagian Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah Miri. Kekuatan sedia ada ini akan digunakan untuk menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan, penyiasatan dan kawalan lalu lintas meliputi daerah Miri.

Sehubungan itu, Kementerian akan sentiasa mengkaji kesesuaian perwujudan unit trafik tersebut pada masa akan datang.